



**PERUTUSAN DATUK BANDAR
MESYUARAT MAJLIS BIL. 8/2022
30 OGOS 2022 (2 SAFAR 1443H)**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, di atas segala limpah kurnia, inayah dan nikmat-Nya yang diberikan kepada kita semua. Selawat dan salam kepada rasul junjungan, Nabi Muhammad SAW, kaum kerabat Baginda, para sahabat Baginda serta kaum muslimin dan muslimat. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang sentiasa bersama-sama saya dalam memberikan kerjasama dan komitmen kepada Majlis bagi memastikan program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Untuk itu, saya menyeru semua warga MBPJ agar mempergiat segala daya dan usaha bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan strategi dan program-program yang telah dirancang. Majlis juga menyahut seruan Kerajaan Negeri Selangor untuk memekarkan kerjasama strategik dengan pemegang taruh (*stakeholders*) Majlis bagi memurnikan iltizam dalam melaksanakan program dan projek untuk kesejahteraan rakyat.

Sebagai organisasi yang berteraskan perkhidmatan, Majlis perlu sentiasa prihatin dan peka terhadap keperluan dan ekspektasi penduduk khususnya penduduk Petaling Jaya. Justeru itu, saya berharap agar perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan Majlis

adalah yang terbaik dan secara langsung mencerminkan kualiti, ketelusan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan secara keseluruhannya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

2. Tanggal 31 Ogos pada setiap tahun merupakan tarikh keramat bagi seluruh rakyat di negara ini. Pada tarikh tersebut merupakan hari yang sangat bermakna buat seluruh rakyat Malaysia kerana pada tarikh itu seluruh rakyat Malaysia menyambut Hari Kebangsaan.

Hari Kebangsaan ini disambut secara besar-besaran sama ada di peringkat kebangsaan mahupun negeri. Perasaan betapa tingginya nilai dan erti kemerdekaan dalam kalangan mereka yang pernah berjuang untuk mencapai kemerdekaan tidak mampu diterjemahkan melalui penulisan ataupun kata-kata.

Hanya mereka yang terlibat secara langsung dalam proses kemerdekaan ini dapat merasai perasaan yang sebenarnya betapa tingginya nilai sebuah kemerdekaan yang dikecapi selama 65 tahun yang lalu.

Oleh yang demikian, adalah menjadi satu kewajipan kepada seluruh rakyat Malaysia pada hari ini untuk mempertahankan negara tercinta daripada dijajah kali kedua sama ada penjajah fizikal, minda ataupun sosial.

Penjajahan fizikal mungkin sukar untuk berlaku, namun penjajahan minda dan sosial tidak mustahil sekiranya tiada sebarang langkah proaktif yang diambil oleh rakyat di negara ini. Generasi muda terutamanya perlu dan sentiasa menjadi benteng paling utuh buat

negara dalam memelihara kemerdekaan ini kerana ia bukan sesuatu perkara yang murah dan mudah untuk diperolehi dan dicapai.

'Kita Selangor, Teguh Bersama' diangkat sebagai tema Hari Kebangsaan peringkat Kerajaan Negeri Selangor pada tahun ini dengan membawa maksud yang cukup mendalam kepada rakyat Selangor.

Selari dengan semangat cintakan negara, orang ramai hendaklah mengibarkan Jalur Gemilang dengan megah kerana ini adalah panji kebanggaan kita semua. Hayati makna dan prinsip Rukun Negara sebagai pengikat perpaduan dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Marilah bersama-sama kita kibarkan Jalur Gemilang dan meraikan Hari Kebangsaan.

Pengibaran Jalur Gemilang ini juga adalah untuk menyemarakkan lagi semangat patriotisme dan rasa cinta tanpa berbelah bahagi kepada negara. Selaku Datuk Bandar, saya ingin mengingatkan agar kesemua pengibaran bendera Jalur Gemilang ini berada dalam keadaan baik, tidak lusuh serta yang paling utama adalah dipasang dalam kedudukan yang betul.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Sudah 65 tahun negara kita Malaysia merasai nikmat kemerdekaan. Perjuangan pahlawan negara membebaskan negara daripada cengkaman penjajah perlu dihargai dan dihayati oleh generasi masa kini. Perjuangan pahlawan negara ini tidak dapat dibayar dengan wang ringgit tetapi boleh dibalas dengan memperbaiki segala kekurangan dan berusaha menyelamatkan tanah air daripada ideologi barat yang semakin menular khasnya kebebasan mutlak dan mengutamakan hak asasi. Masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia perlu bersatu

hati mengekalkan kemerdekaan ini dengan menjunjung Rukun Negara dan Perlembagaan serta menghayati dan mengamalkan isi kandungannya.

Kakitangan awam seharusnya lebih berintegriti dan beramanah dalam menjalankan tugas dan kerja. Kakitangan berintegriti melambangkan kemerdekaan sebenar dan mereka perlu menjalankan sebaik mungkin kepercayaan dan tanggungjawab yang diberikan dan sentiasa memperbaiki kekurangan yang ada dalam perkhidmatan.

Pembangunan modal insan berintegriti tinggi adalah faktor kritikal bagi menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara. Ketersediaan warga kerja berintegriti dan berkemahiran tinggi penting untuk menyokong peralihan semua sektor ekonomi ke arah aktiviti berintensifkan pengetahuan, teknologi dan inovasi.

Tenaga kerja yang berkualiti mampu berdepan dengan cabaran amalan berintegriti tinggi dalam perkhidmatan. Pengurusan insan memainkan peranan penting bagi memudahkan warga kerja yang diberi kepercayaan untuk mengurus jabatan dan agensi serta organisasi sama ada mampu mendapat keuntungan ataupun tidak. Prinsip yang wujud dalam setiap warga kerja mesti dapat membezakan tindakan yang betul dan salah serta cara memperlakukan tindakan sesama rakan sekerja. Tadbir urus warga kerja yang berkualiti berupaya memandu warga kerja melakukan perkara yang tidak menyalahi tatakelakuan dibenarkan.

Komponen penting dalam kualiti tadbir urus insan seperti kejujuran, integriti, rasa hormat, amanah dan kecemerlangan memaksimumkan nilai positif di kalangan warga kerja. Komitmen Majlis dalam membangunkan kompetensi dan kapasiti semua warga kerja, integriti

dan anti rasuah menerusi sistem pendigitalan, instrumen, program latihan dan kawalan tatatertib.

Masyarakat pasti akan melihat komitmen tinggi Majlis ini sebagai tekad ke arah tadbir urus unggul dalam memberi perkhidmatan yang telus dan memberi imej positif kepada Majlis di sisi pandangan masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Majlis Bandaraya Petaling Jaya di dalam proses penyediaan Bajet 2023 dengan bertemakan '**Meransang Ekonomi, Mensejahterakan Komuniti**'. Bagi penyediaan Bajet 2023 yang komprehensif, Majlis telah melibatkan semua pihak berkepentingan dan pemegang taruh dalam memberikan cadangan/input.

Melalui itu, Majlis telah membuka borang cadangan Bajet 2023 melalui atas talian bermula 5 Ogos 2022 sehingga 19 Ogos 2022 yang lalu. Sebanyak 234 cadangan dan pandangan yang diterima oleh Majlis adalah seperti berikut :

Bil	Kategori	Jumlah Cadangan
1	Usaha Pemulihan & Pembangunan Ekonomi	39
2	Menaiktaraf Kemudahan & Infrastruktur	74
3	Menambahbaik Kesejahteraan Penduduk	85
4	Memulihara Alam Sekitar	36
JUMLAH		234

Proses mendapatkan cadangan/input Bajet 2023 tidak hanya melalui '*online*' malah Majlis telah mengadakan sesi *Townhall* Cadangan Bajet 2023 bersama Persatuan Penduduk/Rukun Tetangan/NGO pada 26

Ogos 2022 yang lepas. Di dalam sesi tersebut, seramai 18 wakil zon MPP telah membentangkan cadangan mereka.

Tidak terhad kepada orang awam dan persatuan penduduk, Majlis juga telah mengadakan perbincangan bersama kesemua Ahli Majlis pada 12, 16 dan 23 Ogos 2022 yang lalu bagi membincang, menerima cadangan serta input berkaitan bajet di zon masing-masing.

Pada dasarnya, pelbagai cadangan/input dari pelbagai sumber yang diterima oleh Majlis. Kesemua ini akan dikaji dan dipertimbangkan. Jabatan-jabatan yang berkaitan akan menyemak dan menentukan apakah keutamaan projek/kerja yang perlu dilaksanakan. Seperti yang dimaklumkan, perbelanjaan Majlis akan bergantung kepada hasil yang akan dikutip. Oleh itu, Majlis akan memastikan perbelanjaan yang betul-betul utama yang akan dibajetkan untuk tahun 2023.

Pemeriksaan Bajet 2023 akan bermula pada 1 September 2022 dimana cadangan/input akan disemak dengan lebih terperinci dan seterusnya akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Khas (Bajet 2023) pada 26 September 2022 dan akan disahkan serta diluluskan di Mesyuarat Majlis Khas (Bajet 2023) pada 4 Oktober 2022 sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima Anugerah Bandar Berdaya Huni Tahap Tertinggi 2021 yang disampaikan oleh YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sempena Majlis Pelancaran Indeks Daya Huni (iDAM) pada 18 Ogos 2022 yang lalu.

Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM) merupakan pengukuran yang berimpak tinggi kepada semua lokaliti khususnya kepada PBT dalam memastikan perancangan perbandaran dirangka dengan mengambilkira semua kriteria di bawah Rancangan Fizikal Negara Ke-4. Terdapat 5 asas pembentukan kerangka Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM) iaitu 6 fokus utama Malaysia Berdaya Huni KPKT, Rancangan Fizikal Negara, Pengukuran Daya Huni Peringkat Kebangsaan, *Sustainable Development Goals* (SDGs) dan Kemampunan Bandar melalui MURNInets.

Penganugerahan kepada Majlis ini adalah berdasarkan pencapaian yang cemerlang dan seimbang berdasarkan enam kriteria utama iDAM iaitu **pembangunan ekonomi yang makmur dan berdaya saing, kualiti persekitaran mampan dan selamat, komuniti sejahtera, guna tanah dan penggunaan sumber yang berkesan, infrastruktur asas berkualiti serta urus tadbir bandar yang efisien.**

MBPJ beriltizam untuk terus memberikan perkhidmatan perbandaran yang lebih cekap dan berkesan selaras dengan ekspektasi tinggi daripada pemegang taruh.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima dan dianugerahkan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015 Tahun 2022 oleh *Independent European Certification* (IEC) melalui pengauditan ke atas beberapa proses kerja melibatkan Jabatan/Unit di Majlis.

Dengan adanya dasar kualiti, Majlis akan memastikan proses pengeluaran produk dan perkhidmatan melalui proses kawalan Pembangunan, Pengurusan Kawalan Lesen Perniagaan, Pengurusan

Cukai Taksiran dan penyediaan dan penyelenggaraan Infrastruktur dan Kemudahan Awam dilaksanakan dengan cekap, tepat serta berkesan bagi memenuhi keperluan pelanggan melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015 dan memenuhi kehendak undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Pendekatan proses yang digunakan dalam MS ISO 9001: 2015 juga dapat membantu Majlis dalam memahami, mengurus serta mengawal saling hubungan dan saling kebergantungan antara proses yang akhirnya akan menyumbang kepada keberkesanan dan kecekapan dalam mencapai hasil yang ditetapkan, meningkatkan prestasi keseluruhan organisasi dan meminimumkan kesan negatif dengan melaksanakan proses kawalan pencegahan dan penambahbaikan.

Sehubungan itu, Majlis akan sentiasa memberi komitmen sepenuhnya dalam menjalankan penambahbaikan ke atas keseluruhan Pengurusan Kualiti bagi memastikan objektif kualiti diguna pakai oleh semua jabatan sebagai panduan dalam melaksanakan tugas. Sistem pengurusan kualiti akan disemak mengikut tempoh yang ditetapkan melalui Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP).

Adalah diharapkan Majlis dapat mengekalkan penganugerahan pensijilan MS ISO 9001:2015 bagi mencapai matlamat, visi, misi dan objektif MBPJ seterusnya ke arah hala tuju PJSSR 2030. Selain daripada itu, warga kerja MBPJ juga seharusnya beriltizam untuk mencapai lebih banyak anugerah-anugerah bukan sahaja di peringkat Majlis tetapi di peringkat negeri, kebangsaan dan luar negara. Setiap Jabatan/Unit seharusnya sentiasa berusaha dan mencari inisiatif-inisiatif serta inovasi-inovasi baru bagi memastikan MBPJ sebagai peneraju dalam memberikan kualiti penyampaian perkhidmatan yang terbaik dan bertaraf lima bintang.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Adalah dimaklumkan bahawa Skim Rebat Cukai Taksiran Kepada Pemilik Rumah Mesra Alam Petaling Jaya yang telah dilancarkan pada 3 Jun 2022 akan dilanjutkan tempoh permohonan sehingga **30 September 2022**.

Permohonan bagi skim ini boleh dibuat melalui Aplikasi MBPJ E-Rebat yang boleh di muat turun di *Google Store* atau *Apple Store* atau melalui borang permohonan yang boleh di dapati di laman sesawang MBPJ www.mbpj.gov.my.

Skim ini bertujuan untuk mempromosikan gaya hidup penduduk yang mesra alam hijau ke arah menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya hijau berkarbon rendah. Rebat cukai taksiran ditawarkan kepada pemilik rumah yang telah mengambil inisiatif menjadikan bangunan kediaman mereka mesra alam hijau dari segi aspek tenaga, air, kepelbagaian biologi, pengurusan sisa buangan dan pengangkutan. Rebat yang ditawarkan adalah maksima 100% cukai taksiran tahunan ataupun RM 500 mana yang lebih rendah.

Untuk keterangan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Sekretariat Pasukan Petugas *Low Carbon Green City* of Petaling Jaya, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 20, Menara MBPJ Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan ditalian 03-7954 1440 Faks 03-7954 1579 atau melalui emel skimrebatmbpj2020@gmail.com, laman web www.mbpj.gov.my.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mewujudkan Sembang @*PJ Art Lane* di Dataran Boulevard, Pusat Bandar Seksyen 52 Petaling Jaya sebagai salah satu daya tarikan pelancong di Petaling Jaya dan telah mula beroperasi pada 15 Ogos 2022 yang lalu.

Sembang @*PJ Art Lane* adalah berdasarkan lima elemen utama bagi Penyediaan Tempat/ *Place Making* iaitu (1) Bandar sebagai ekosistem yang saling berkaitan manusia dan tempat, (2) Pembangunan bercampur guna dengan keceriaan, (3) Penglibatan komuniti, (4) Fokus bagi meningkatkan kualiti hidup dan (5) Ekonomi setempat.

Terdapat dua tarikan utama di Sembang @*PJ Art Lane* iaitu *food truck* dan aktiviti riadah seperti mainan kanak-kanak dan *busking*. Sembang @*PJ Art Lane* beroperasi setiap hari bermula jam 5.00 petang sehingga 12.00 malam. Sejumlah 20 *food truck* ditawarkan dengan menu-menu menarik dan viral serta diserikan lagi dengan persembahan *busking* oleh *buskers-buskers*.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Bersempena dengan sambutan Bulan Kemerdekaan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengadakan Program *Spring Cleaning* mulai 20 Ogos sehingga 11 September 2022. Program ini meliputi sebanyak 33 kawasan kejuranan dengan anggaran sejumlah 21,000 unit kediaman di seluruh Petaling Jaya.

Program ini merupakan salah satu inisiatif MBPJ di bawah *thematic circular economy city* demi mengurangkan pembuangan sisa ke tapak pelupusan sampah menerusi strategi melanjutkan hayat hidup sumber.

Barangan yang lama ataupun rosak tapi masih boleh digunakan semula akan dikutip dan diperbaiki untuk dijual dengan kadar harga yang berpatutan atau disumbangkan kepada golongan keluarga B40 yang memerlukan di bawah Program Jalinan Kasih 3R PJKITA.

Sekian, terima kasih.